

MAHATHIR-RADIO

1978

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- PARTI-PARTI PEMBANGKANG MEMBUAT JANJI SEOLAH-OLAH MEREKA AKAN MEMBENTUK KERAJAAN PUSAT PADAHAL MEREKA MELETAKKAN CALON CUMA BOLEH MENJADI PARTI PEMBANGKANG, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

SEBALIKNYA, BARISAN NASIONAL MELETAK CALON YANG CUKUP UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN DAN BERTANDING UNTUK MEMN KERAJAAN DAN BERTANDING UNTUK MENDAPAT MANDAT DARI RAKYAT MENERUSKAN PENBADDIRANNYA.

DATUKSERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO BERUCAP DEMIKIAN MENERUSI RADIO DALAM SIRI UCAPAN-UCAPAN PEMIMPIN POLITIK.

KATANYA, DAP TELAH BERJANJI AKAN MENGHAPUSKAN RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI KERAJAAN, SAMBIL ITU DAP MENYATAKAN DI BAWAH KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEBANYAK \$9 JUTA TELAH HILANG KERANA RASUAH.

JIKA BENAR WANG ITU HILANG, IA HILANG KETIKA DAP MENJADI PARTI PEMBANGKANG KATANYA.

KALAU WAKTU ITU DAP SEBAGAI PARTI PEMBANGKANG TIDAK DAPAT MENYELAMATKAN \$9 JUTA ITU, BAGAIMANA DENGAN MENJADI PARTI PEMBANGKANG SEKALI LAGI DAPAT DAP MENGHAPUSKAN RASUAH, KATANYA.

— BERSAMBUNG 2200/1B

MAHATHIR -RADIO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA RASUAH YANG TELAH DIKURANGKAN HARI INI BUKANLAH HASIL PERJUANGAN PARTI PEMBANGKANG, MALAH HASIL USAHA KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

SEMENTARA PAS PULA TELAH BERJANJI MENDIRIKAN NEGARA KEBAJIKAN DI KELANTAN TETAPI DI BAWAH PEMERINTAHAN PAS SELAMA 19 TAHUN NEGERI ITU BUKAN SAHAJA TIDAK MENJADI NEGERI KEBAJIKAN TETAPI KEHIDUPAN RAKYAT TELAH MEROSOT SEHINGGA RAMAI TELAH PERGI KE NEGERI LAIN.

PAS MEMBERI ALASAN BAHAWA IA GAGAL MEMUNAIKAN JANJINYA KERANA PAS TIDAK Menguasai KERAJAAN PUSAT.

TETAPI INI TIDAK MENGHENTIKAN PAS DARI MEMBUAT JANJI DALAM TIAP-TIAP PILIHANRAYA WALAUPUN IA TIDAK MUNGKIN Menguasai ATAU MENDIRI KERAJAAN PUSAT.

SEBENARNYA APABILA PAS BERJAYA MENDIRIKUN KERAJAAN NEGERI TUMPUAN UTAMA WAKIL-WAKIL MEREKA TIALAH MEREBU JAWATAN DAN INILAH YANG MENJATUHKAN KERAJAAN PAS DI TRENGGANU DALAM TAHUN 1959, DUA TAHUN SETELAH IA MEMERINTAH.

DI KELANTAN PULA PEMBAHAGIAN SUMBER KEKAYAAN DILAKUKAN ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN SEHINGGA BEBERAPA ORANG YANG JUJUR MENENTANG PERBUATAN INI.

AKIBATNYA PERPECAHAN SEKALI LAGI BERLAKU DI KALANGAN PEMIMPIN PAS DAN YANG JUJUR SERTA LUHUR DISINGKIRKAN. — BERSAMBUNG 1006/1B

SE

B713:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU RAKYAT DAN NEGERI KELANTAN TERBIAR, KATANYA. SETIAP KALI DISOAL, JAWABNYA KERAJAAN PUSAT MENGHALANG ATAU MAJLIS BANDARAN KOTA BARU MENGHALANG, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+BILA PILIHANRAYA DATANG SEKALI LAGI PAS MEMBUAT JANJI-JANJI YANG MEREKA TAHU AWAL-AWAL LAGI MEREKA TIDAK AKAN DAPAT TUNAIKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PAS SEBAGAI PARTI +TALAM DUA MUKA+ KERANA PADA SATU MASA IA MENGHARAMKAN SESUATU PERKARA TETAPI PADA MASA YANG LAIN IA MENGHALALKAN PULA.

KATANYA KERJASAMA UMNO DENGAN MCA DAN MIC YANG DULU DIKUTUK TETAPI APABILA PAS BERADA DALAM BARISAN IA MENGHALALKANNYA DAN SEKARANG INI APABILA IA KELUAR DARI BARISAN MENGUTUKNYA SEMULA DENGAN NADA PERKAUMAN YANG SEMPIT.

TETAPI PADA MASA YANG SAMA PAS MENGADAKAN PAKATAN DENGAN DAP DAN MENOLONG CALON DAP UNTUK MENGALAHKAN CALON-CALON BARISAN NASIONAL YANG TERDIRI DARI ORANG-ORANG UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG ORANG-ORANG YANG TERTARIK DENGAN POLITIK SEBAGAI SATU PROFESION KERANA KEMENANGAN DALAM PILIHANRAYA MEMBERI TARAF KEHORMAT DAN PENDAPATAN. -- BERSAMBUNG 2205/A1

SE

B714:

MAHATHIR - RADIO 4 KUALA LUMPUR

ADA JUGA ANTARANYA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN BERBUAT APA SAJA UNTUK KEMENANGAN DAN INI TERMASUK MENGGUNAKAN AGAMA.

KATANYA SEBELUM PAS MEMASUKI BARISAN NASIONAL, AKIBAT DARI SALAHGUNA AGAMA, MASYARAKAT DI KAMPUNG TELAH TERBAHAGI DUA, TERMASUK TIDAK HADIR NIKAH KAHWIN DAN SEMBAHAYANG MAYAT.

KEADAAN INI TELAH REDA SEDIKIT APABILA PAS MENYERTAI BARISAN TETAPI SEKARANG MASYARAKAT KAMPUNG TELAH MENJADI TEGANG KEMBALI KERANA PAS MENGGUNAKAN SEMULA TEKTIK LAMA.

+INILAH KESAN DARI PENYERTAAN ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM POLITIK DEMOKRASI YANG LIBERAL. KERANA INGIN MENDAPAT TARAF KEHORMAT, PENDAPATAN YANG BERTAMBAH DAN KEMUNGKINAN MENYALAHGUNA KUASA KERAJAAN, MASYARAKAT DIJADIKAN MANGSA DAN AGAMA DIHANCURKAN,+ KATANYA. - BERNAMA 2207/A1